



Publication	KOSMO	Section / Page	37	Date	3/11/2021
Headline	Takaful Malaysia Diiktiraf Takaful Motor Terbaik 2021/22				

## Takaful Malaysia diiktiraf Takaful Motor Terbaik 2021/22



**PETALING JAYA** – Syarikat Takaful Malaysia Am Bhd. (Takaful Malaysia) muncul pemenang Anugerah Takaful Motor 2021/22 anjuran penyedia pendidikan insurans, iBanding Services Sdn. Bhd. (iBanding).

Anugerah tersebut bertujuan memberikan pandangan telus kepada masyarakat berdasarkan pengalaman peribadi pengguna

bersama penyedia insurans atau takaful mereka, dengan lebih daripada 5,000 rakyat Malaysia telah mengambil bahagian dalam kaji selidik yang dilaksanakan tahun ini.

Skor dinilai berdasarkan tahap kepuasan pelanggan, tempoh kesetiaan berurusan dengan syarikat serta pengalaman tuntutan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kum-

pulan Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad, Datuk Seri Mohamed Hassan Kamil berkata, pihaknya berbesar hati apabila diiktiraf sekali lagi oleh rakyat Malaysia sebagai Syarikat Motor Takaful Terbaik di Malaysia untuk tahun 2021/22.

"Pengiktirafan ini bukti nilai dan manfaat menarik yang ditawarkan secara konsisten kepada pelang-

gan serta mencerminkan persetujuan pengguna mengenai jenama dan produk takaful motor kami," katanya dalam satu kenyataan.

Antara produk takaful motor terbaharu daripada Takaful Malaysia ialah Takaful myClick Motor FlexiSaver iaitu pelan takaful motor *flexi* pertama negara dengan perlindungan harian Bayar Semasa Anda Memandu.